

# Inflasi Mei naik kepada 2 peratus

**PETALING JAYA** – Inflasi Malaysia meningkat dua peratus pada bulan lalu, berbanding 1.8 peratus pada April, demikian menurut laporan Indeks Harga Pengguna, Mei 2024 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Kumpulan makanan dan minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan perlahan 1.8 peratus pada Mei 2024 (April 2024: dua peratus), dengan subkumpulan utama makanan di rumah meningkat secara marginal kepada 0.5 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 0.4 peratus).

Kelas perbelanjaan sayur-sayuran merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 4.8 peratus berbanding 3.2 peratus pada April 2024.

Antara sayur-sayuran yang mencatatkan kenaikan dua digit adalah bawang putih, bawang besar, lada benggala dan timun.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan inflasi pada Mei disumbangkan oleh inflasi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain yang meningkat kepada 3.2 peratus.

"Ini disebabkan subkumpulan bekalan air dan pelbagai perkhidmatan berkaitan rumah kediaman yang naik 32.1 peratus (April 2024: 31.6 peratus), seiring kenaikan kadar tarif bagi bekalan air untuk pengguna domestik di Perak bermula Mei 2024."

"Sementara itu, inflasi restoran dan perkhidmatan penginapan telah meningkat kepada 3.2 peratus.

"Ini disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.1 peratus.

"Inflasi bagi penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barang serta perkhidmatan pula meningkat tiga peratus pada Mei 2024 berbanding 3.1 peratus pada April 2024, disumbangkan oleh peningkatan bagi kelas perbelanjaan barang kemas dan jam tangan sebanyak 16.5 peratus (April 2024: 17 peratus)," katanya.